

## Plot – Cerpen Hadiah

### Binaan Plot

- (a) **Permulaan** – Kawan-kawan Azizah asyik \_\_\_\_\_ tentang hadiah yang akan dihadiahkan kepada guru kesayangan masing-masing. Azizah berasa malu kerana dia tidak dapat \_\_\_\_\_ hadiah kepada guru kesayangannya, iaitu Cikgu Zaleha.
- (b) **Perkembangan** – Azizah \_\_\_\_\_ duit daripada ibunya untuk membeli hadiah tetapi ibunya mengatakan bahawa dia tidak ada duit. Azizah membuka tabung arnabnya untuk mendapat duit bagi \_\_\_\_\_ hadiah tetapi duit itu juga tidak mencukupi. Kemudian, Azizah meminta wang daripada bapanya tetapi bapanya juga mengatakan bahawa dia tiada duit. Ibu Azizah memberi cadangan agar Azizah \_\_\_\_\_ Cikgu Zaleha kraf tangan yang dibuat sendiri. Azizah gembira kerana masalahnya sudah selesai. Azizah \_\_\_\_\_ kraf tangan tudung saji sebagai hadiah untuk guru kesayangannya itu.
- (c) **Klimaks** – Azizah tiba di sekolah untuk \_\_\_\_\_ hadiahnya kepada Cikgu Zaleha. Cikgu Zaleha mengatakan bahawa dia inginkan hadiah yang besar. Azizah memberitahu Cikgu Zaleha bahawa dia tidak mempunyai duit untuk membeli hadiah yang besar itu. Cikgu Zaleha sebenarnya mahu Azizah \_\_\_\_\_ Pertandingan Kraf Tangan Peringkat Daerah dan itulah yang menjadi hadiah buatnya.
- (d) **Peleraian** – Azizah menyertai Pertandingan Kraf Tangan tersebut. Azizah \_\_\_\_\_ sebagai Johan dalam Pertandingan Kraf Tangan Peringkat Daerah dan naib johan peringkat negeri. Hasil kraf tangan Azizah telah \_\_\_\_\_ hati juri Pertandingan Kraf Tangan Peringkat Kebangsaan. Cikgu Zaleha pula memenangi Kategori Guru Inovatif pada Hari Guru Peringkat Daerah.